

**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 84/10/17**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENGUASA KANAN BOMBA DAN PENYELAMAT
TANGGAGAJI P.9 / P.10
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian II

Sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang **'Apply'**;



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf






SIJIL Degree (Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** yang dikehendaki oleh Skim Iklan dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN KELULUSAN (MKPK)** bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	PHD.pdf
	2016	2016	25/8/2016	MASTER.pdf
	2016	2016	25/8/2016	DEGREE.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HND.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HNC.pdf
	2016	2016	25/8/2016	ND.pdf

Hendaklah ada maklumat bidang kelulusan ('field') seperti contoh Business Administration di ruangan yang tersembunyi dengan menekan tanda "+" disebalah kiri diruangan Bachelor of Arts. jika sekiranya belum diisikan maklumat bidang ('field'), sila tekan tanda "+add" dibawah kelulusan tersebut dan seterusnya menaip bidang awda seperti contoh Business Administration, Employment Relation dan sebagainya.



	Title of Examination	University/College	Result of Examination	Upload File
  	BACHELOR OF ARTS	Universiti Brunei Darussalam	PASS	DEGREE.pdf
	Field			
	BUSINESS ADMINISTRATION			
	+ Add			




Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sepertimana kehendak skim dan seterusnya memastikan **SIJIL** Kelulusan Tertinggi yang diperolehi berserta **KELULUSAN TRANSCRIPT** (jika berkenaan) dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.






Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "*Current Government Employee*" / "Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee 

Current Government Employee 

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer	
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	



1. **PENGUASA KANAN BOMBA DAN PENYELAMAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
P.10 (\$2,965 - \$3,595 SEBULAN) ATAU
P.9 (\$2,330 - \$2,860 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGAGAJI P.10 :**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- b) **TANGGAGAJI P.9 :**

- i) BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding serta telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Penguasa Bomba dan Penyelamat dalam tanggagaji P.8 tidak kurang dari 5 tahun dan lulus ujian ketahanan fizikal serta ujian-ujian yang ditetapkan oleh Jabatan dari semasa ke semasa.

ATAU


- ii) BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding serta telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Penguasa Bomba dan Penyelamat tidak kurang dari 7 tahun dan lulus ujian ketahanan fizikal serta ujian-ujian yang ditetapkan oleh Jabatan dari semasa ke semasa.

ATAU

- iv) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.



2. Keahlian *Membership of Institution of Fire Engineers (MIFireE)* dan *Graduateship of Institution of Fire Engineers (GIFireE)* adalah kelebihan.
3. Pemohon – pemohon di para 1.a, b.ii) dan b.iv) hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:-
 - a) Umur - Diantara 18 tahun hingga 35 tahun.
(Lelaki / Wanita).
 - b) Tinggi dan Berat badan -
Bagi Lelaki :
Sekurang-kurang 5'4" (1.63m).
Tidak melebihi 60 kg.

Bagi Wanita :
Sekurang-kurang 5' (1.52m).
Tidak melebihi 55 kg.
 - c) Dada - **Bagi Lelaki :**
Sekurang-kurangnya 34" (86cm)
apabila tidak ditarik nafas (biasa).
 - d) Bagi pemohon perempuan hendaklah bujang semasa memohon dan sepanjang tempoh menjalani Kursus Asas Kebombaan.
 - e) Tiada masalah pendengaran.
 - f) Tidak buta warna (*Colour Blind*).
 - g) Calon hendaklah mempunyai badan yang sihat dan lulus peperiksaan yang dijalankan oleh Pegawai Perubatan yang dibenarkan berpandukan Garispandu Kesihatan bagi Ahli Bomba (*Medical Guideline For Firefighter*).

UJIAN

Pemohon-pemohon 1.a, b.ii) dan b.iv) adalah dikehendaki mengikuti Ujian Kecergasan, bertulis dan praktikal serta ujian-ujian yang ditetapkan oleh Jabatan ini dari semasa ke semasa. Mereka yang gagal dalam ujian tersebut tidak akan disokong

KURSUS / LATIHAN

1. Menjalani Latihan Asas Kebombaan di Pusat Latihan Bomba dan Penyelamat atau diseberang laut dari semasa ke semasa.



2. Hendaklah mencapai 80% kehadiran semasa menjalani Latihan asas kebombaan, jika gagal calon tidak akan menerima Sijil Tamat Latihan dan dikehendaki untuk mengikuti latihan akan datang.
3. Hendaklah lulus ujian kecergasan fizikal (*BFT*) sepanjang Latihan Asas Kebombaan, jika gagal calon akan ditamatkan daripada perkhidmatan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGUASA KANAN BOMBA DAN PENYELAMAT:

1. Melaksanakan dasar Jabatan selaras dengan Akta Bomba dan Penyelamat (Pindaan 2002) Penggal 82 dari semasa ke semasa.
2. Jika ditugaskan di Bahagian Operasi berperanan selaku Pegawai Pemerintah yang bertanggungjawab ke atas beberapa perkara seperti berikut :
 - a) Bertanggungjawab ke atas Pentadbiran Operasi memadam kebakaran dan menyelamatkan di kawasan masing-masing, pengurusan keanggotaan, latihan-latihan, perhubungan awam dan aset Kerajaan di cawangan-cawangannya.
 - b) Bertanggungjawab ke atas kecemasan dan kesejahteraan awam mengikut kawasan bawah jagaannya.
 - c) Mentadbir balai-balai di bawah jagaannya serta perjalanan aset Kerajaan ke arah yang lebih berkesan dan teratur di dalam melaksanakan tugas-tugas yang bersangkutan dengan kecemasan.
 - d) Memastikan keanggotaan di bawah jagaannya mempunyai tahap tatatertib yang tinggi serta kecekapan dalam bidang operasi dan menyelamatkan yang lebih berkesan.
 - e) Menghadiri apa-apa jua kecemasan yang memerlukan keputusan yang cepat dan tepat terutama yang bersangkutan paut dengan kejadian yang melibatkan nyawa dan harta benda awam.
 - f) Berurusan dengan Jabatan-Jabatan Kerajaan dan agensi-agensi yang berkenaan bagi apa-apa jua perkara yang berkaitan dengan kawasan di bawah jagaan masing-masing.
 - g) Mengetahui plan kontingensi bagi apa-apa jua operasi memadam kebakaran atau menyelamatkan.



- h) Menyediakan *Standard Operational Procedure (S.O.P)* bagi operasi kecemasan di dalam kawasan jagaan masing-masing.
 - i) Mengenal pasti *station ground* dan kawasan-kawasan yang berisiko tinggi di kawasan bawah jagaannya.
 - j) Menyediakan kertas kerja permohonan peruntukan bagi cawangannya.
3. Jika ditugaskan di Bahagian Pentadbiran berperanan selaku Ketua Bahagian yang bertanggungjawab ke atas beberapa perkara seperti berikut :-
- a) Mentadbir perjalanan tugas yang telah dimandatkan ke arah yang lebih efisien dan produktif.
 - b) Memastikan keanggotaan di bawah jagaannya mempunyai tahap tatatertib yang tinggi serta kecekapan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah ditetapkan.
4. Berkuasa di dalam mengeluarkan Perintah-Perintah Am Cawangan atau bahagian yang berhubungkait dengan sistem pentadbiran keanggotaan dan pemberitahuan semasa.
5. Bertanggungjawab di dalam menyediakan kertas kerja dan laporan segala projek serta aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan disepanjang tahun pentadbirannya.
6. Merangka perkembangan projek serta aktiviti mengikut kapasiti bidang kuasa yang telah dimandatkan.
7. Menyediakan perangkaan peruntukan di bawah cawangan / bahagian masing-masing.
8. Menjalankan tugas-tugas lain seperti yang diarahkan oleh Pengarah Bomba dan Penyelamat dari semasa ke semasa.